

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan peratusan liputan 3G dan 4G untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta 'road map' dalam usaha mencapai liputan 90% ke atas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menghasilkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), yang bertujuan untuk menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Setakat suku ketiga tahun 2021, peratusan jalur lebar 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara adalah sebanyak 94.39%, manakala pecahan liputan bagi setiap negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>% Liputan 4G di Kawasan Berpenduduk di Seluruh Negara (Suku Ketiga 2021)</b>
<b>W.P. Putrajaya</b>	100.00%
<b>W.P. Kuala Lumpur</b>	100.00%
<b>Pulau Pinang</b>	99.70%
<b>Selangor</b>	99.60%

**SOALAN NO : 34**

<b>Melaka</b>	99.11%
<b>Perlis</b>	99.07%
<b>Johor</b>	98.00%
<b>W.P. Labuan</b>	97.98%
<b>Kedah</b>	96.26%
<b>N. Sembilan</b>	96.09%
<b>Perak</b>	95.58%
<b>Terengganu</b>	94.71%
<b>Kelantan</b>	93.91%
<b>Pahang</b>	90.46%
<b>Sabah</b>	83.90%
<b>Sarawak</b>	81.37%
<b>Malaysia</b>	<b>94.39%</b>

**\*Tiada pengiraan dilakukan untuk liputan 3G kerana rangkaian 3G telah mula ditamatkan secara berperingkat bermula Januari 2021.**

Pelaksanaan pelan JENDELA Fasa 1 yang bermula pada September 2020 memberi fokus kepada peluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaiktaraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara. Pencapaian JENDELA sehingga 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

- a. Penambahan sebanyak 1.58 juta premis daripada 4.96 juta premis yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.54 juta premis di seluruh negara telah disediakan dengan akses gentian optik;
- b. Kelajuan jalur lebar mudah alih meningkat daripada 25Mbps kepada 34.46 Mbps; dan
- c. Peluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 94.39% di kawasan berpenduduk.

Pihak Kerajaan juga sedang di dalam proses untuk menutup rangkaian 3G agar spektrum yang digunakan dapat digunakan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan teknologi 4G yang dapat menyediakan kelajuan capaian internet yang lebih tinggi. Sehingga 31

Oktober 2021, sebanyak 1.3 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan 112,000 rangkaian 3G telah ditutup untuk menambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.

Pelaksanaan JENDELA bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan bandar, malah turut mengambilkira penyediaan infrastruktur digital di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) seperti berikut:

- a. Melalui kaedah penyumbang utama, sebanyak 362 menara baharu akan dibina menjelang penghujung 2022 yang akan meningkatkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara. Di samping itu juga, sebanyak 1,661 menara baharu akan dilaksana secara kaedah tender terbuka di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara melalui pelantikan Penyedia Perkhidmatan Sejagat yang Dilantik atau *Designated Universal Service Provision* pada suku keempat tahun 2021 untuk melonjakkan lagi kadar liputan 4G kepada 96.9% di kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia, penghujung 2022 nanti.
- b. Manakala di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak serta perkampungan Orang Asli, penyediaan perkhidmatan jalur lebar akan dipercepatkan melalui kaedah penyediaan perkhidmatan jalur lebar secara kolektif menggunakan teknologi satelit. Bagi tujuan ini, sebanyak 839 lokasi di seluruh negara telah dikenalpasti bagi memastikan ianya dapat memberikan liputan jalur lebar di kawasan-kawasan yang sukar diakses dengan teknologi gentian optik dan mudah alih.

Secara umumnya, pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022.

## **SOALAN NO : 34**

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

Pihak SKMM akan mempercepatkan sedaya mungkin pembinaan menara namun ianya bergantung kepada kelulusan yang dikeluarkan pihak tertentu seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerjasama serta komitmen Kerajaan Negeri dan semua pihak adalah penting bagi memastikan kesemua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat diaplikasikan di peringkat negeri dan PBT agar penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahcara serta mengikut piawaian yang tertentu bagi memastikan Aspirasi Nasional dapat dicapai.